

PRESIDEN  
MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA



PRESIDENT  
COURT OF APPEAL MALAYSIA  
PUTRAJAYA

( 2 ) PCA/1/6

13 Jun 2017



YA Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Timbalan Kanan Pendaftar/Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Rayuan

Yang Arif/Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN BIL. 1 TAHUN 2017**

**PENYEDIAAN ALASAN PENGHAKIMAN BAGI KES-KES SIVIL**

**DI MAHKAMAH RAYUAN**

1. Bagi memastikan kelancaran proses rayuan dan keseragaman dalam penugasan penulisan Alasan Penghakiman, berikut adalah keadaan-keadaan suatu alasan penghakiman perlu ataupun tidak perlu disediakan:-
  - (i) Apabila Mahkamah membenarkan rayuan oleh perayu dan keputusan Mahkamah Tinggi diketepikan atau diakas, Hakim Mahkamah Rayuan hendaklah menyediakan alasan penghakiman;
  - (ii) Apabila Mahkamah menolak rayuan oleh perayu dan keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan, Hakim Mahkamah Rayuan boleh memilih sama ada untuk menyediakan alasan penghakiman ataupun tidak;
  - (iii) Sekiranya keputusan Mahkamah adalah tidak sebulat suara, alasan penghakiman hendaklah disediakan bagi kedua-dua keputusan majoriti dan bertentangan. Keadaan ini terpakai bagi keputusan Mahkamah yang mengenepi/mengakas keputusan Mahkamah Tinggi ataupun menolak rayuan oleh perayu
  - (iv) Dalam sebarang keadaan apabila terdapatnya arahan daripada Mahkamah Persekutuan agar suatu alasan penghakiman disediakan, maka alasan penghakiman hendaklah disediakan dalam masa yang munasabah.

2. Apabila sesuatu kes ditangguhkan ke satu tarikh yang lain untuk keputusan, suatu alasan penghakiman hendaklah disediakan dan disampaikan pada hari yang telah ditetapkan untuk keputusan kes tersebut diberi.
3. Pembahagian tugas menyediakan alasan penghakiman hendaklah ditentukan oleh Pengerusi Panel Hakim yang bersidang pada masa rayuan sesuatu kes didengar.
4. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai **1 Julai 2017**.

Sekian, terima kasih.



**(TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN)**  
Presiden Mahkamah Rayuan

**s.k.**

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
2. Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
3. Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Kompleks Mahkamah Kuching  
Jalan Gersik  
93050 Petrajaya, Kuching  
**SARAWAK**
4. Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

5. Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
6. Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
7. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
8. Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
Kompleks Mahkamah Kuching  
Jalan Gersik  
93050, Petrajaya, Kuching  
**SARAWAK**
9. Ketua Bahagian Teknologi Maklumat  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
10. Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

